

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada sistem MACS akan dibuka kepada warganegara Singapura yang kerap keluar masuk Malaysia melalui dua pintu masuk Johor Bahru supaya mesin pengimbas auto MACS sedia ada digunakan sepenuhnya serta mengurangkan orang ramai beratur di kaunter manual.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah memperkenalkan sistem *Malaysia Automated Clearance System* (MACS) pada tahun 2006. Sistem MACS ini dibuka kepada warganegara Singapura serta pemegang pas jangka panjang Malaysia dan Singapura yang kerap berulang alik antara Malaysia dan Singapura di samping syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pengumuman inisiatif Belanjawan 2020 baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.68 juta bagi menambah enam (6) unit *autogate* MACS di CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru. Enam (6) unit tambahan ini adalah tambahan kepada keseluruhan 16 unit *autogate* MACS yang akan ditempatkan di CIQ BSI, CIQ Kompleks Sultan Abu Bakar, JB Sentral dan CIQ Woodlands Train Checkpoint berdasarkan kelulusan peruntukan tahun 2019. Kemudahan MACS kini dalam proses perolehan KDN dan akan dibuka semula kepada pengguna yang berdaftar sebaik sahaja proses pemasangan infrastruktur dan pembangunan sistem baharu MACS selesai pada suku tahun kedua 2020.